

19 JAN 2001

Taman-Ular

TAMAN PERLINDUNGAN ULAR DIBUKA MINGGU DEPAN

LANGKAWI, 19 Jan (Bernama) -- Taman Perlindungan Ular, satu lagi tempat tarikan pelancong terbaru di Ulu Melaka di sini yang mempamerkan pelbagai maklumat mengenai reptilia berbisa itu akan dibuka kepada orang ramai mulai minggu depan.

Eksekutif operasi taman itu Abdul Hakim Abdul Rashid hari ini berkata, taman seluas dua hektar itu dibangunkan tahun lepas dengan kos RM3 juta dan kini 95 peratus siap.

Bercakap kepada pemberita di sini, beliau berkata taman yang dimajukan oleh Maju Holding Berhad itu, kini menempatkan 70 hingga 80 ekor spesis tempatan seperti ular sawa, kapak, tedung senduk dan tedung selar.

Taman itu mempunyai 17 kakitangan termasuk lapan tenaga mahir pengendali ular yang merupakan anak didik kepada Raja Ular, Osman Ayeb.

Taman itu mempunyai sebuah dewan interaktif dan pentas pertunjukan untuk persembahan setiap hari selain dewan yang menempatkan satu sudut pencapaian Malaysia Boleh seperti pencapaian Osman yang tinggal bersama 150 ekor ular berbisa selama 27 hari pada 1998.

Abdul Hakim berkata taman itu juga mempunyai 12 akuarium yang menempatkan ular eksotik seperti sawa putih dan ular jinak yang dilepaskan untuk dipegang oleh pelawat selain mempamerkan rangka ular sawa, kapak dan tedung senduk.

"Taman ini banyak menumpukan kepada pendekatan pendidikan memandangkan daripada mula masuk taman hingga sesi pertunjukan ular, pelawat akan diajar tentang habitat ular, nama saintifik dan yang berkaitan, tambahnya.

Ia juga akan mempunyai taman mini herba, yang menempatkan pokok-pokok ubat yang digunakan pada zaman dulu untuk mengubati kesan patukan ular seperti pokok Setawar Ular dan Kapal Terbang, katanya.

Selain sebuah makmal untuk membiakkan ular, taman itu akan mempunyai tempat khas membiakkan tikus yang menjadi makanan utama ular selain sebuah kawasan berdinding di mana ular dilepaskan bebas dalam habitatnya.

Abdul Hakim berkata bagi fasa kedua yang belum ditentukan tempohnya, taman itu akan menempatkan ular dari seluruh dunia.

Tiket masuk ke taman itu yang dibuka mulai pukul 9 pagi hingga 6 petang itu ialah RM15 bagi dewasa dan RM7 bagi kanak-kanak termasuk minuman.

-- BERNAMA

NH PR